

BULETIN CITRA

Edisi JANUARI JUN 2024

KOLEJ KEDIAMAN

UITM KAMPUS SUNGAI BULOH,
SELAYANG & TELUK INTAN.

KEJOHANAN BOLA SEPAK: PIALA PENGETUA

Pelapor: Muhammad Norhaziq Izman

Kejohanan Bola Sepak: Piala Pengetua yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UiTM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh dan Selayang pada 30 Jun 2024 di padang Arena Melwood, Sungai Buloh. Kejohanan ini telah berjaya mencapai objektifnya iaitu untuk mendorong dan mempromosikan nilai-nilai kebaikan, semangat berpasukan dan kerjasama. Program ini juga memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk mengeratkan silaturrahim antara pelajar.



SYABAS & TAHNIAH MEDIC FC, DENTAL FC

Pasukan Medic FC telah berjaya merangkul gelaran Juara setelah menewaskan Dental FC pada Kejohanan Bola Sepak Piala Pengetua 2024. Pasukan Medic FC telah berjaya memenangi kejohanan ini dengan jumlah bilangan gol sebanyak enam berbalas dua daripada Dental FC. Kejohanan turut dihadiri oleh Dr. Norhasnida Nordin bagi menyaksikan perlawanan dan merasmikan serta menyampaikan hadiah kepada pemenang.



SIDANG MEDIA

Sidang media Kejohanan Bola Sepak: Piala Pengetua telah dijalankan dua hari sebelum berlangsungnya kejohanan tersebut pada hari Ahad. Sidang Media berjalan dengan lancar dengan adanya kerjasama daripada kedua-dua belah pihak, iaitu Medic FC dan Dental FC. Terdapat beberapa soalan berkaitan dengan persediaan bagi kejohanan ini telah diajukan kepada kedua-dua kapten pasukan dalam sidang media tersebut. Sidang Media berakhir dengan penggambaran kedua-dua belah pihak bersama Dr. Norhasnida Nordin dan juga Piala Pusingan.